

03 JUN 1999

Mahathir-Kongres

MAHATHIR: JALAN RAYA PENTING UNTUK JANA KEMAJUAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kemudahan jalan raya dan pengangkutan akan terus memainkan peranan penting menjana dan menggerakkan negara untuk mencapai tahap negara maju pada tahun 2020.

Beliau berkata dalam satu dekad yang lalu, rangkaian jalan raya negara telah berkembang dengan ketara sekali.

"Ini dapat dibuktikan dengan terbinanya Lebuhraya Utara-Selatan dan projek-projek penswastaan yang lain yang memakan belanja berbilion ringgit," kata beliau dalam perutusannya sempena Kongres Jalan Sedunia ke-21 yang akan berlangsung di sini selama seminggu bermula 3 Okt.

Kongres anjuran bersama kerajaan Malaysia dan Persatuan Jalan Sedunia itu akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini. Kira-kira 3,500 orang wakil dari seluruh dunia dijangka mengambil bahagian.

Malaysia merupakan negara Asia Tenggara pertama dan negara Asia kedua menjadi tuan rumah kongres yang diadakan empat tahun sekali itu. Kongres Jalan Sedunia yang lepas ialah di Montreal, Kanada pada 1995.

Perdana Menteri berkata Malaysia, yang menawarkan kemudahan pengangkutan, jalan raya dan telekomunikasi yang baik, sememangnya tempat yang paling sesuai untuk menjadi tuan rumah kepada kongress itu dan acara lain seumpamanya.

"Adalah menjadi hasrat saya agar kongres ini akan memberi peluang kepada pakar-pakar untuk berkongsi dan bertukar-tukar pengetahuan dalam pelbagai aspek teknologi jalan di samping membantu memahami masalah yang dihadapi oleh negara maju dan negara membangun," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata para delegasi ke kongres itu akan dapat menyaksikan bagaimana rangkaian infrastruktur jalan raya dan kemudahan pengangkutan telah memainkan peranan utama dalam kemajuan ekonomi dan sosial Malaysia.

Dr Mahathir berkata kongres yang dikoordinasi oleh Kementerian Kerja Raya itu, bukan sahaja menggabung usaha agensi-agensi kerajaan tetapi juga organisasi-organisasi sektor swasta yang terlibat dalam industri jalan raya.

"Gabungan ini bekerjasama untuk memastikan anda tidak hanya mendapat manfaat daripada kongres ini tetapi juga akan menikmati keindahan Malaysia dan kemesraan rakyatnya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Malaysia sekali lagi menjadi tuan rumah untuk acara bertaraf antarabangsa itu dan seperti biasa, pihak penganjur di Malaysia akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menjayakannya.

"Sukan Komanwel '98 yang baru sahaja diadakan, apabila Malaysia menjadi tuan rumah kepada 70 buah negara, merupakan satu kejayaan yang amat membanggakan," kata beliau.

Katanya, Sukan Komanwel '98 telah membuktikan keupayaan rakyat Malaysia berganding bahu untuk menjayakan acara yang besar itu.

"Saya yakin usaha dan dedikasi yang sama akan diberikan untuk memastikan kejayaan kongres ini.

"Bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia, saya dengan sukacitanya menjemput anda untuk mengambil bahagian dalam Kongres Jalan Sedunia ke-21," kata beliau.

Di samping mempunyai dua sesi membabitkan menteri yang bertanggungjawab bagi jalan dan pengangkutan serta datuk bandar dari 101 negara, satu pameran berkaitan Kejuruteraan Jalan dan Pengangkutan juga akan diadakan semasa kongres yang akan berlangsung pada 4-7 Okt itu.

-- BERNAMA
ES NMO